



LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 19 FEBRUARI 2018

- 1. KAWALAN LOGAM BERAT DALAM HASIL PERTANIAN**
 - KOSMO

- 2. JEMPUTAN KENDURI KAHWIN DAPAT 7,000 KAMPIT BERAS**
 - KOSMO

- 3. APPS DRIVE MYANMAR GRAIN GAIN**
 - THE STAR

- 4. MYANMAR FARMERS USING APPS**
 - NEW STRAITS TIMES

- 5. KILANG JUARA SELERA HASILKAN 150 TAN BERAS SEHARI**
 - UTUSAN MALAYSIA

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

Kawalan logam berat dalam hasil pertanian

PERMINTAAN terhadap produk pertanian negara kian meningkat dengan pertumbuhan populasi rakyat tempatan dan perkembangan pasaran global.

Justeru, semakin ramai yang menyedari akan kepentingan pengambilan bahan makanan yang selamat dan berkualiti.

Aspek keselamatan ini merangkumi bebas daripada bahan kimia seperti racun, logam berat dan mikroorganisma yang berbahaya.

Jabatan Pertanian memainkan peranan penting dalam isu keselamatan makanan dan jaminan bekalan makanan di negara ini.

Jabatan Pertanian juga telah melaksanakan pelbagai program ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Pensijilan myGAP dan myOrganic salah satu program yang diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada pengeluar hasil tanaman yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dan perladangan organik dalam menghasilkan produk-produk pertanian yang berkualiti serta selamat dimakan.

Salah satu kriteria penting yang perlu dipatuhi bagi kelayakan pensijilan di bawah program myGAP dan myOrganic ialah lulus analisis hasil bagi residu racun makhuk perosak, logam berat serta mikrobia.

Sekyen Khidmat Analisis Jabatan Pertanian, Makmal Daun dan Hasil Pertanian dipertanggungjawabkan untuk menganalisis logam berat seperti arsenik, kadmium, plumbum serta merkuri bagi memastikan kandungan elemen ini berada di bawah paras yang



SAMPEL yang diterima akan didaftarkan dan diproses untuk dilabel.



SAMPEL yang telah dituras akan dibaca menggunakan mesin ICP-OES.

selamat terhadap hasil yang dikeluarkan pengusaha pertanian.

Paras maksimum logam berat yang dibenarkan dalam hasil pertanian bagi elemen arsenik (1000ppb), kadmium (1000ppb), plumbum (2000ppb) dan merkuri (50ppb).

Bagi tahun 2017, sebanyak 973 sampel telah diterima makmal bagi pensijilan myGAP dan myOrganic. Kesemuanya mendapat kelulusan bagi analisis kandungan logam berat.

Analisis logam berat dalam hasil pertanian amat penting



ANALISIS MERKURI. Sampel ditimbang sebanyak 100miligram.



SAMPEL akan dikisar.

berfungsi serta menyebabkan penyakit alzheimer dan Parkinson.

Melalui APB dalam pelaksanaan pensijilan myGAP dan myOrganic ini mampu mengawal kandungan logam berat bagi menghasilkan hasil pertanian yang berkualiti, selamat, sesuai dimakan dan memenuhi ciri-ciri keselamatan piawaian antarabangsa.

kerana ia berbahaya kepada pengguna.

Selain itu, menerusi analisis dapat mengawal paras kandungan logam berat bagi memastikan tahap keselamatan dan kualiti hasil pertanian yang dikeluarkan untuk pengguna.

Kerosakan

Kemudaratannya unsur logam berat akan mengakibatkan ketoksikan yang kronik sehingga mengakibatkan kerosakan mental, kekurangan tenaga, sel-sel darah, buah pinggang, hati dan beberapa organ penting yang lain.

Pendedahan kepada logam berat dalam jangka masa yang panjang juga akan mengakibatkan saraf-saraf di dalam tubuh manusia gagal



ASID akan dimasukkan ke dalam sampel sebelum dicerna menggunakan ketuahr gelombang mikro.



■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian 03-8870 3042/3050 dan talian 03-8888 5069 atau melayari portal Jabatan Pertanian Malaysia di www.doa.gov.my

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 19 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : UMUM

Jemputan kenduri kahwin dapat 7,000 kampakit beras

PASIR PUTEH - Tetamu majlis kenduri perkahwinan di negara ini lazimnya akan menerima cenderamata seperti bunga telur sebagai kenangan, tetapi Pengerusi Yayasan Fatimah Azzahra, Azmi Mohd. Noor mempunyai cara tersendiri bagi memperingati jemputan pada resepsi anaknya.

Pada majlis yang berlangsung di Taman Sri Lichong, Kampung Wakaf Lichong, Gaal di sini semalam lebih 7,000 tetamu yang hadir menerima sekampakit beras seberat lima kilogram sebagai buah tangan untuk dibawa pulang.

Azmi berkata, kenduri di rumahnya adalah medan ukhwah rakyat dengan jamuan makan percuma dan hadiah beras untuk dibawa pulang ke rumah.

"Sebanyak lapan ekor lembu disembelih untuk 20 kawah gulai, tujuh ekor kambing bakar dan 500 ekor ayam dijadikan juadah utama selain pelbagai jenis kuih tradisional disediakan.

"Kami jemput kira-kira



AZMI (depan tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan beras kepada tetamu majlis kenduri anaknya di Kampung Wakaf Lichong, Gaal, Pasir Puteh semalam.

7,000 tetamu termasuk kenalan dari seluruh Kelantan untuk merayakan hari bahagia anak lelaki saya, Mohd. Nasruddin, 25, iaitu mudir Maahad Tahfiz Ulul Azmi dan pasangannya, Nor Suhaida Mohamad, 25," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, dia merayakan tetamu yang hadir sebagai tanda kesyukuran dan berkongsi kegembiraan bersama mereka.

"Majlis berjalan lan-

car dengan kerjasama penduduk yang bergotong-royong menyiapkan juadah. Seawal pukul 6.30 pagi lagi saya bersama penduduk kampung sudah memulakan kerja menyembelih kesemua lembu untuk gulai kawah," katanya.

Kunjungan wartawan ke majlis tersebut mendapati suasananya amat meriah sehinggakan jalan masuk ke rumah pangantin sesak dengan kenderaan sejauh tiga kilometer.

THE STAR, MONDAY 19 FEBRUARY 2018

Apps drive Myanmar grain gain

Farmers get a boost from agriculture sector's mobile tech revolution

AYE YWAR: A free app on farmer San San Hla's smartphone is her new weapon in the war against the dreaded stem borer moth that blighted her rice paddy in southern Myanmar for the last two years.

As she watches her workers haul in this year's harvest, the 35-year-old is in a triumphant mood, ascribing her victory over the seasonal scourge to advice received via the app about effective pesticide use.

"We used to just farm the way our parents showed us," she said, in her village of Aye Ywar west of Yangon.

"But after getting the app, I now see how we should be doing it. It's better to use proper techniques rather than just working blindly."

San San Hla is among a growing cohort of farmers who are turning to tech to address the knowledge gap in a country where two thirds of the workforce are employed in agriculture.

The sector accounts for some 28% of the country's GDP, but yields are low with farmers cut-off from modern technology under decades of isolationist junta rule.

For people like San San Hla, apps could be the answer.

They are providing farmers with up-to-date information on everything from weather, climate change, crop prices to advice on pesticides and fertilisers.

Chat forums are connecting farmers, allowing them to swap tips while experts answer queries.

The Green Way app is the brainchild of two former agricultural students, who in 2011 set up a website for farmers, often working through the night to update it.

But at the time few farmers had internet access, recalls Yin Yin Phyu, 28, explaining the "idea just didn't take off."

Then smartphones arrived and everything changed.

As Myanmar opened its doors, telecoms companies rushed in to grab market share, thrusting Myanmar beyond the era of desktop computers and old-style mobile phones.

The cost of sim cards, once the reserve of the well-connected or



Tech growth: Farmers working in a rice field on the outskirts of Yangon. New smartphone apps (inset) are providing farmers with up-to-date information on everything from weather, climate change, crop prices to advice on pesticides and fertilisers. — AFP

spies, plummeted from an unattainable US\$3,000 (RM11,681) in 2005 to US\$1.50 (RM5.84) in 2013.

Competitor practically gave away smartphone handsets as they fell over themselves to build up brand loyalty.

Mobile penetration stood at just seven percent in 2012. By the end of 2017, smartphone penetration had rocketed to 80%.

A nascent tech hub followed and outside of agriculture, apps were created for everything from healthcare to Myanmar's parliament.

Farmers, many among the country's poorest, today find themselves with a mobile computer in their hands — a game-changer for the entrepreneurs behind Green Way, who launched their app in 2016 and now employ 18 full-time staff.

"Green Way is my dream to link farmers and experts," Yin Yin Phyu said.

"The farmers can get help whenever they need".

Some 70,000 farmers have already downloaded the app although she hears far more are accessing it through phone-to-phone sharing.

Greater productivity at Myanmar's farms could reshape both its economy and society, says 71-year-old agricultural expert Myo Myint.

"Many workers migrate to other countries because they can't make enough money to live from agriculture in Myanmar," he says.

"Farmers need technology and investment."

A 2017 World Bank study found that farmers in some areas of the country are still earning as little as

US\$2 (RM7.78) per day.

Productivity is also relatively low with only 23kg of rice paddy generated in one day of work in Myanmar compared to 62kg in Cambodia, 429kg in Vietnam, and 547kg in Thailand.

The founder of the Golden Paddy app says the new tech is not best suited to struggling farmers at the bottom of the ladder.

They do not have the time or resources to implement advice on changing seeds or fertiliser.

Instead, the apps are aimed at smallholder farmers to allow them to "become a little more commercial," Dutchman Erwin Sikma explains.

Myanmar now has the chance to leapfrog that era to become an agricultural trailblazer. — AFP

GREEN WAY

MYANMAR FARMERS USING APPS

They are turning to tech for better yields, address knowledge gap

AYE YWAR

A FREE app on farmer San San Hla's smartphone is her new weapon in the war against the dreaded stem borer moth that blighted her rice paddy in southern Myanmar for the last two years.

As she watches her workers haul in this year's harvest, the 35-year-old is in a triumphant mood, ascribing her victory over the seasonal scourge to advice re-

ceived via the app about effective pesticide use.

"We used to just farm the way our parents showed us," she said, in her village of Aye Ywar, west of Yangon.

"But after getting the app, I now see how we should be doing it... it's better to use proper techniques rather than just working blindly."

San Hla is among a growing cohort of farmers who are turning to tech to address the knowledge gap in a country where two thirds of the workforce are employed in agriculture.

The sector accounts for some 28 per cent of the country's gross domestic product, but yields are low with farmers cut-off from modern technology under decades of isolationist junta rule.

For people like San Hla, apps could be the answer. They are providing farmers with up-to-date information on everything: from weather, climate change, crop prices to advice on pesticides and fertilisers.

The "Green Way" app is the brainchild of two former agricultural students, who in 2011 set up a website for farmers, often working through the night to keep it updated.

But at the time, few farmers had internet access, recalled Yin Yin Phyu, 28, explaining the "idea just didn't take off".

Then smartphones arrived and everything changed. As Myanmar opened its doors, telcos rushed in to grab market share,

thrusting Myanmar beyond the era of desktop computers and old-style mobile phones.

The cost of sim cards, once the tightly-controlled reserve of the well-connected, or special branch spies, plummeted from an unattainable US\$3,000 (RM1,168) in 2005 to US\$1.50 in 2013.

Mobile penetration stood at just seven per cent in 2012. By the end of last year, smartphone penetration had rocketed to 80 per cent.

Farmers, many among the country's poorest, today find themselves with a mobile computer in their hands — a game-changer for the entrepreneurs behind "Green Way", who launched their app in 2016 and now employ 18 full-time staff.

"Green way" is my dream to link farmers and experts," Yin Yin Phyu said. "The farmers can get help whenever they need."

Some 70,000 farmers have already downloaded the app although she hears far more are accessing it through phone-to-phone sharing.

Greater productivity at Myanmar's farms could reshape both its economy and society, said 71-year-old agricultural expert Myo Myint.

"Many workers migrate to other countries because they can't make enough money to live from agriculture in Myanmar," he said.

"Farmers need technology and investment." AFP



San San Hla using a mobile app as she works in a paddy field on the outskirts of Yangon. AFP PIC

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 19 FEBRUARI 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN

Kilang Juara Selera hasilkan 150 tan beras sehari

PARIT BUNTAR 18 Feb. - Kilang milik syarikat bumiputera, Juara Selera Sdn. Bhd. di Jalan Sungai Bakau di sini berupaya mengeluarkan kira-kira 150 tan metrik beras sehari untuk dijual dengan menggunakan jenama Juara Selera di seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Zulkefli Jamaludin berkata, kilang yang dibangunkan dengan kos RM2 juta itu mempunyai peralatan canggih yang dikendalikan oleh 85 pekerja.

Menurut beliau, hampir 80 peratus beras yang dihasilkan di kilang tersebut diproses daripada padi yang ditanam di sekitar Kerian di sini manakala bakinya diimport dari negara jiran.

"Kami mengeluarkan beras tempatan sebanyak 85 peratus dan beras import melalui syarikat Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) sebanyak 15 peratus.

"Antara beras tempatan yang kami hasilkan adalah Juara 5, Juara 10, Juara Mas, Juara Kuning manakala beras import pula terdiri daripada beras wangi Siam, Pulut Juara, Selera 5 dan Langsung



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan Zulkefli Jamaludin (kiri) ketika mempromosikan beras Juara pada harga runtuh di Parit Buntar, Perak, baru-baru ini.

Hijau," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Zulkefli menambah, syarikatnya turut menghasilkan produk-produk lain di bawah jenama Juara iaitu bihun, laksa, nasi himpit dan air mineral.

Beliau memberitahu, syarikat mengembangkan perniagaan hasil daripada modal pusingan RM5 juta daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan SME Corp. sebanyak RM400,000.

"Antara kejayaan kami adalah menerima anugerah dalam majlis Anugerah Tani Bernas 2017 sebagai pengilang bumiputera cemerlang yang masih aktif baru-baru ini," jelasnya.

Zulkefli berkata, syarikatnya turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk mempromosikan barangan keluaran Juara pada harga runtuh kepada orang ramai.